

PEKELILING NASIHAT KANDUNGAN (2/2020)

PERINGATAN MENGENAI LARANGAN MENGIKLAN MINUMAN KERAS DAN ALKOHOL MENURUT KOD KANDUNGAN

Forum Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (CMCF) ingin memberi peringatan kepada para pengamal industri mengenai peruntukan di bawah **Kod Kandungan Komunikasi dan Multimedia Malaysia (Kod Kandungan)** yang berkaitan dengan iklan khusus tertentu.

Di **Bahagian 3, Kod Kandungan** mengenai **Iklan, Perenggan 8.5 (Iklan Khusus Lain)**, ia menyatakan bahawa:

"Minuman Keras dan Alkohol

Iklan minuman keras dan alkohol adalah tidak dibenarkan. Jika sesebuah syarikat minuman keras merupakan penaja utama sesuatu acara sukan antarabangsa, syarikat tersebut hanya dibenarkan mempromosi acara itu sahaja dan tidak secara langsung mengiklan produknya. Disamping itu, syarikat-syarikat alkohol haruslah hanya menggunakan logo acara-acara berkaitan dalam promosi siaran."

Sebagai keperluan umum, sebarang iklan mengenai produk di atas **adalah tidak dibenarkan sama sekali** untuk disiarkan, disebarikan dan diedarkan dengan cara atau bentuk apa sekalipun melalui rangkaian media elektronik di Malaysia (termasuk tetapi tidak terhad kepada televisyen, radio, telefon bimbit dan juga melalui dalam talian).

Ini termasuk apa-apa bentuk kandungan bercetak dan/atau bahan yang mengandungi iklan produk terlarang tersebut yang kemudiannya diubah kepada format salinan digital ('soft copy') dan dimuat naik ke ruang dalam talian yang merangkumi penerbitan seperti e-majalah, e-surat khabar, e-risalah, e-flyer dan lain-lain bahan bercetak secara digital yang berkaitan.

Pengamal industri adalah digalakkan untuk meneliti bahan yang akan diubahkan untuk tujuan di atas serta mengeluarkan sebarang iklan yang dilarang terlebih dahulu sebelum dimuat naik. Penalti dan hukuman terhadap setiap pelanggaran Kod adalah seperti yang dinyatakan di bawah **Bahagian 8, Perenggan 8.0 di dalam Kod Kandungan**.

Di samping itu, orang ramai juga digalakkan untuk melaporkan sebarang iklan melalui media elektronik berkenaan produk serta perkhidmatan yang mungkin kelihatan mengelirukan atau melanggar peraturan Kod kepada Biro Aduan CMCF.

**PEJABAT PENGARAH EKSEKUTIF
FORUM KANDUNGAN KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA
Selangor, Malaysia
16 Julai 2020**

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi:

Pejabat Eksekutif CMCF

Emel: secretariat@cmcf.my